

Tajuk : UNIMAS jejak katak di kepulauan Borneo

UNIMAS jejak katak di kepulauan Borneo

PUNCAK BORNEO, Jumaat — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) melalui kepakarannya dalam bidang penyelidikan akan cuba menjejak spesis-spesi katak yang terdapat di kepulauan Borneo.

Pui Yong Min yang baharu sahaja menamatkan pengajian kedoktoran dan memulakan PhD di UNIMAS yang fokus kepada filogeni dan taksonomi Philautus Borneo berkata, penemuan pelbagai jenis spesis katak berjaya ditemui melalui hasil kajian oleh beberapa penyelidik di kawasan hutan Borneo.

Menurutnya, antara kawasan yang akan menjadi tumpuan para penyelidik dari universiti berkenaan untuk menjejak spesis katak ialah di kawasan gua Mulu.

"Kepulauan Borneo kaya dengan pelbagai spesis katak yang jarang ditemui di tempat lain yang mungkin tidak diketahui masyarakat umum. Oleh itu, UNIMAS sebagai sebuah university yang berte-raskan penyelidikan memainkan peranan untuk menjalankan kajian mengenai spesis ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat berkenaan dengan jenis-jenis katak di Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) di sini hari ini.

UNIMAS jejak katak di kepulauan Borneo

DARI MUKA 1

Katanya, untuk menjejak spesis-spesi katak ia tidak boleh dibuat dalam masa yang singkat kerana proses penyelidikan itu perlu dilakukan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Proses membuat penyelidikan ini tidak boleh dibuat secara terburu-buru, ia memerlukan pemerhatian dan kesabaran yang cukup, untuk menjejak spesis amfibia ini ia perlu memakan masa," jelasnya.

Katanya, antara penemuan yang telah dicapai oleh oleh universiti itu dalam kajian spesis katak ialah penemuan spesis katak bersaiz kacang pea yang dikenali sebagai spesis *Microphyla Nepenthicola* yang ditemui di Taman Negara Kubah.

"Banyak lagi spesis-spesi

katak yang boleh kita kaji seperti katak jenis kodok dan sebagai yang menjadikan kepulauan Borneo sebagai habitat utama mereka," katanya. Dalam pada itu, SBC turut menganjurkan persembahan kesedaran awam mengenai Amfibia Borneo, ceramah berkenaan disampaikan oleh ahli kumpulan penyelidikan herpetofauna daripada UNIMAS serta paparan mini.

Pembentangan itu terdiri daripada tiga bahagian, pengenalan amfibia Borneo sebagai bahagian pertama mana-kala bahagian kedua ceramah tersebut akan menampilkan Taman Negara Gunung Mulu yang dikenali dengan kepelbagaian spesies katak manakala bahagian akhir membahtikan pembentangan halat tuju masa depan pemuliharaan amfibia Borneo.